Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

# JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG
# PENANG BAR COMMITTEE

CPC 5/23

19 Jan 2023

To Members of the Penang Bar,

**Rebate on Fee Payment on Selling Price Imposed on Vendor for Disposal of Property within Three (3) Years from the Date of Vendors' Acquisition**

We have received an email from the Land Title Registration Unit, Office of Lands and Mines, Penang ("PTG Penang"), entitled "*PEMBERIAN REBAT BAYARAN FI BERJUMLAH 2% KEPADA 1% YANG DIKENAKAN KE ATAS JUAL-BELI TANAH YANG DIJUAL DALAM TEMPOH 3 TAHUN DARIPADA TARIKH PEMBELIAN*".

Members are requested to take note that the state authority has agreed to give rebate of fifty percent (50%) on fee payment of two percent (2%) on selling price imposed on vendor for disposal of property within three (3) years from the date of vendors' acquisition. This new fee structure will be applicable for all type of properties and without limitation to the numbers of vendor. This rebate is applicable from 1 Jan 2023 until 31 Dec 2023.

The said email from PTG Penang is appended below for Members' attention and reference and the content of the email is self-explanatory.

Members are therefore advised to take note of the above on an immediate and urgent basis and any further updates will be notified in due course.

**Mohamad Redzuan bin Idrus**
**Chairman**
**Conveyancing Practice Subcommittee**

Gmail **Penang Bar Committee <penangbar@gmail.com>**

# Pemberian Rebat Bayaran Fi Berjumlah 2% kepada 1% Yang Dikenakan Ke Atas Jual-Beli Tanah Yang Dijual Dalam Tempoh 3 Tahun Daripada Tarikh Pembelian

**MAZLINA HAJA MYDIN (PNG-PTG)** <mazlina@penang.gov.my> 13 January 2023 at 15:23
To: "secretariat@penangbar.org" <secretariat@penangbar.org>

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah bersetuju memberikan rebat bayaran fi berjumlah 2% kepada 1% yang dikenakan ke atas jual-beli tanah yang dijual dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh pembelian bagi tempoh satu (1) tahun berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023.

3. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, menerusi Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2014, bayaran fi berjumlah 2% adalah dikenakan bagi semua urusan pindahmilik tanah yang melibatkan warganegara dan bukan warganegara dalam kategori harga jualan melebihi RM400,000.00 di kawasan pulau dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai dalam tempoh tiga (3) tahun selepas tanah tersebut diperolehi.

4. Walau bagaimanapun, sebagai satu usaha membantu rakyat yang terkesan dengan situasi Covid-19 dan keadaan ekonomi yang tidak menentu, dengan merujuk kepada arahan yang dinyatakan dalam para 3, PBN telah bersetuju supaya pengenaan fi berjumlah 2% ini diberikan rebat sebanyak 50% iaitu **hanya 1% fi dikenakan bagi semua urusan pindahmilik yang diterima mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023**. Adalah dimaklumkan juga bahawa pengurangan fi ini **melibatkan semua jenis hartanah** dan **tidak terhad kepada satu urusan pindahmilik sahaja** bagi seorang pemohon.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah,

**MAZLINA BINTI HAJA MYDIN**
Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang.

**Peringatan**
Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.